



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENI CATAN SEBAGAI MEDIUM PENGHAYATAN KENDIRI TERHADAP KEINDAHAN BANDAR KUANTAN

MUHAMMAD FAKHRIE AMIN BIN ROBIDIN FADZILAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**JABATAN SENI DAN REKA BENTUK
FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN SENI VISUAL

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF

SENI CATAN SEBAGAI MEDIUM PENGHAYATAN KENDIRI TERHADAP

KEINDAHAN BANDAR KUANTAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MSR 3996 PROJEK TAHUN AKHIR

DISEDIAKAN OLEH:

MUHAMMAD FAKHRIE AMIN BIN ROBIDIN FADZILAH

DISEMAK OLEH:

DR. FAREEZ BIN VINCERT AMOS@MOHD. FADLY



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

i

PENGAKUAN

Saya mengakui kajian ini merupakan hasil kerja saya kecuali nukilannukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya perjelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa penulisan berkenaan kajian ini belum diterbit atau diserahkan kepada mana-mana pihak.

Tandatangan :

Tarikh :



05-4506832

Nama Pengkaji: MUHAMMAD FAKHRIE AMIN BIN ROBIDIN FADZILAH

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ptbupsi

No Matrik : D20191088927



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



PENGESAHAN PENGHANTARAN

Penulisan kajian ini telah di semak oleh:

Nama penyelia : **DR FAREEZ BIN VINCERT AMOS@MOHD FADLY**

Tandatangan :

Tarikh :

Cop rasmi :

Diterima penghantaran oleh:



Nama penyelaras : **DR. ELIS SUHAILA BINTI MOKHTAR**

Tandatangan :

Tarikh :

Cop rasmi :





PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnian-Nya saya dapat menyiapkan dan menyempurnakan penulisan tajuk kajian saya iaitu “Seni Catan sebagai Medium Penghayatan Kendiri terhadap Keindahan Bandar Kuantan” ini dengan jayanya.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga dikhaskan kepada Dr. Fareez bin

Vincert Amos@Mohd. Fadly selaku penyelia kursus Projek Tahun Akhir (MSR 3996) yang telah banyak memberi tunjuk ajar, khidmat nasihat dan bimbingan serta memberikan idea-idea yang bernas kepada saya dalam menyempurnakan kajian ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga saya di atas pengorbanan mereka dalam memberikan semangat, nasihat, dan dorongan moral serta sumber kewangan dalam usaha untuk dalam menyiapkan kajian ini.

Ribuan terima kasih kepada kawan-kawan seperjuangan kerana sudi memberikan kerjasama dan komitmen yang baik dalam menjayakan kajian ini meskipun terpaksa akur dengan cabaran masing-masing.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Seni catan dapat diertikan sebagai hasil seni 2D yang menggunakan media basah dan melibatkan teknik sapuan atas permukaan yang rata. Aspirasi ketiga-tiga karya bertajuk *Legacy Planet*, *Paradise* dan *the Center of The Greatest* merupakan perceritaaan mengenai isu pembangunan yang kian merancak di bandar kelahiran pengkaji, iaitu bandar Kuantan. Elemen imej yang disampaikan dalam karya ini menggunakan kesinambungan unsur-unsur binaan manusia dengan alam semula jadi. Karya ini juga memperlihatkan kekaguman pengkaji yang pernah berjalan-jalan sambil menikmati keindahan bandar Kuantan, di mana kaya dengan seni bina, budaya dan keunikan tersendiri. Pengkaji juga menegaskan bahawa karya ini mempunyai kekuatan dari segi penggunaan teknik seni catan seperti teknik *underpainting*, *hard edge* dan *glazing* yang mampu berazam dan beriltizam pada orang ramai dalam membina potensi individu bagi menjadikan berilmu, berketerampilan, berbakat tinggi, berakhhlak mulia, dan semangat patriotis dalam jiwa graduan Anak Kandung Suluh Budiman semasa bergelarnya profesion sebagai guru yang berdedikasi mendidik anak bangsa.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

V

ABSTRACT

Painting art can be understood as a 2D art result that uses wet media and involves a brush technique on a flat surface. The aspiration of the three works titled Legacy Planet, Paradise, and the Center of the Greatest is a story about the development issue that is increasingly flourishing in the city of the researcher's birth, which is the city of Kuantan. The image elements presented in this work use the continuity of man-made elements with nature. This work also shows the admiration of researchers who have walked while enjoying the beauty of the city of Kuantan, where it is rich in architecture, culture, and its own uniqueness. The researcher also asserted that this work has strength in terms of the use of painting techniques such as underpainting, hard edges, and glazing techniques that are able to be determined and committed to the public in building individual potential to make them knowledgeable, skilled, highly talented, noble, and patriotic in the soul of the Anak Kandung Suluh Budiman graduate during his profession as a teacher dedicated to educating the nation's children.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

Senarai Kandungan	Muka Surat
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN PENGHANTARAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv-v
KANDUNGAN	vi-ix
SENARAI RAJAH	x-xi
SENARAI JADUAL	xii
KARYA 1	xiii
KARYA 2	xiv
KARYA 3	xv



BAB 1	PENGENALAN	1
1.0	Penganalan	1-2
1.1	Latar Belakang Kajian	2-3
1.2	Isu Permasalahan Kajian	4-6
1.3	Persoalan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Signifikan Kajian	7-8
1.6	Metodologi Kajian	8
	1.6.1 Reka Bentuk Kajian	8-9





	1.6.2 Kaedah Pengumpulan Data	9-10
	1.6.3 Kaedah Analisis Data	10
	1.6.4 Proses Kajian	10-11
1.7	Carta Perbatuan	11-13
1.8	Rumusan	14

BAB 2 KAJIAN LITERATUR 15

2.0	Pengenalan	15
2.1	Seni Catan	16-17
	2.1.1 Sejarah Seni Catan di Malaysia	17-20
	2.1.2 Bahan Seni Catan	20-23
	2.1.3 Teknik Seni Catan	24-29
	2.1.4 Aliran Seni Catan	29-31
2.2	Artis Rujukan	31
	2.2.1 Gustave Caillebotte	32-33
	2.2.2 William Logdails	33-35
2.3	Rumusan	35

BAB 3 KAJIAN STUDIO 36

3.0	Pengenalan	36
3.1	Penjanaan Idea	37-39
	3.1.1 Gaya Artistik	40





	3.1.2 Pemilihan Teknik	40-42
	3.1.3 Pemilihan Bahan	42-43
3.2	Proses Kreatif (Proses Penghasilan Karya)	43-48
3.3	Rumusan	48
BAB 4	ANALISIS VISUAL	49
4.0	Pengenalan	49
4.1	Karya 1	50
	4.1.1 Deskripsi	50
	4.1.2 Analisis	51
	4.1.3 Interpretasi	51-52
	4.1.4 Pertimbangan	52
4.2	Karya 2	52
	4.2.1 Deskripsi	53
	4.2.2 Analisis	53
	4.2.3 Interpretasi	53-54
	4.2.4 Pertimbangan	54
4.3	Karya 3	54
	4.3.1 Deskripsi	55
	4.3.2 Analisis	55
	4.3.3 Interpretasi	56
	4.3.4 Pertimbangan	57
4.4	Rumusan	57



**BAB 5****PENUTUP DAN CADANGAN****58**

5.0 Pengenalan 58

5.1 Penutup 59-60

5.2 Cadangan dan Penambahbaikan 60-62

5.3 Rumusan 62

BIBLOGRAFI 63-66**LAMPIRAN** 67-70



SENARAI RAJAH

Senarai Rajah

Muka Surat

Rajah 1: Teori Konseptual Sindrom Kreativiti oleh J.P. Guilford.	8
Rajah 2: Rajah Bawang Proses Kajian.	11
Rajah 3: Cat Air.	21
Rajah 4: Cat Poster.	21
Rajah 5: Cat Tempera.	22
Rajah 6: Cat Minyak.	23
Rajah 7: Cat Akrilik.	23
Rajah 8: Teknik <i>Underpainting</i> .	24
Rajah 9: Teknik <i>Dry Brushing</i> .	25
Rajah 10: Perbandingan antara yang Bukan Teknik <i>Glazing</i> dan Teknik <i>Glazing</i> .	26
Rajah 11: Teknik <i>Gestural</i> .	26
Rajah 12: Teknik <i>Pouring</i> .	27
Rajah 13: Teknik <i>Dabbing</i> .	28
Rajah 14: Potret Diri Gustave Caillebotte.	32
Rajah 15: Karya <i>Paris Street; Rainy Day</i> (1877).	33
Rajah 16: Potret Diri William Logdail.	34
Rajah 17: Karya <i>St Martin-in-the-Fields</i> (1888).	35
Rajah 18: Hasil Idea Pengkaji dengan Merakam Gambar Permandangan Kuantan melalui Pelbagai Pespektif yang Berbeza.	37
Rajah 19: Pengkaji membuat kajian lapangan dengan meninjau	





panaroma di sekitar bandar Kuantan.	38
Rajah 20: Lakaran Idea Pengkaji tentang Keindahan Bandar Kuantan.	39
Rajah 21: Ketiga-tiga Karya Pengkaji yang Menggunakan Gaya Realistik.	40
Rajah 22: Teknik <i>Underpainting</i> .	41
Rajah 23: Teknik <i>Hard Edge</i> .	41
Rajah 24: Teknik <i>Glazing</i> .	42
Rajah 25: Set Catan Cat Akrilik.	43
Rajah 26: Kanvas.	44
Rajah 27: Proses Menyapu Warna <i>Base</i> .	44
Rajah 28: Proses Melakar Imej.	45
Rajah 29: Proses Mewarna.	45
Rajah 30: Proses <i>Detailing</i> .	46
Rajah 31: Proses Kemasan Akhir.	
Rajah 32: Ketiga-tiga Karya yang Siap Dibingkaikan dan Dipamerkan dalam Pameran.	47
Rajah 33: Pengkaji Bersama Karyanya di Pameran.	48
Rajah 34: Karya <i>Legacy Planet</i> (2022).	50
Rajah 35: Karya <i>Paradise</i> (2023).	52
Rajah 36: Karya <i>the Center of The Greatest</i> (2023).	54





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

SENARAI JADUAL

Senarai Jadual

Jadual 1: Carta Perbatuan Tugasan FYP.

Muka Surat

13



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah




PustakaTBainun



ptbupsi



KARYA 1



Legacy Planet

91.44 cm X 91.44 cm



2022

Pernyataan Peribadi:

Karya yang bertajuk “*Legacy Planet*” merupakan sebuah catan yang menggambarkan keindahan seni bina bangunan yang terdapat di sekitar Jalan Mahkota, iaitu berhadapan perkarangan Masjid Negeri Pahang. Karya ini mempunyai perkaitan dengan perasaan pengkarya yang suka akan menjelajah keunikan yang ada di sekitar bandar Kuantan. Karya ini juga digambarkan dengan menggunakan perspektif 2 titik lenyap, iaitu pandangan dari atas. Justeru, karya ini dapat memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang pentingnya menjaga keunikan seni bina bangunan kerana ia mempunyai nilai sejarah yang tiada gantinya.





KARYA 2



Paradise

121.92 cm X 91.44 cm



2023

Pernyataan Peribadi:

Karya “*Paradise*” merupakan sebuah karya catan yang menceritakan pengalaman pengkarya menjelaki kaki kali pertamanya di bandar kelahirannya, iaitu Bandar Kuantan. Karya ini menggambarkan suasana pemandangan bandar Kuantan yang cukup menarik dengan berlatarkan hutan bukit yang begitu menghijau. Malah, karya ini dihasilkan untuk mengertengahkan keunikan bandar Kuantan kepada orang ramai yang mampu mengamit industri pelancongan negeri Pahang kerana bandar ini kaya dengan tradisi, seni bina dan budaya bagi rakyat negeri Pahang. Pengkarya menggunakan teknik catan hard edge dan glazing untuk menimbulkan bentuk, kesan jalinan, ton warna dan ruang antara setiap bangunan-bangunan yang ada di sekitar bandar Kuantan.





KARYA 3



The Center of The Greatest

91.44 cm X 91.44 cm



2023

Pernyataan Peribadi:

Karya yang berjudul “*The Center of The Greatest*” merupakan sebuah karya catan yang dihasilkan untuk menggambarkan suasana perkarangan Masjid Negeri Pahang yang tersergam indah. Karya ini memilih masjid sebagai satu subject matter untuk mengaitkan keperibadian pengkarya serta dijadikan sebagai satu simbolik kesatuan Islam yang merupakan agama rasmi di negeri Pahang. Karya ini juga menggunakan perspektif 2 titik lenyap dan mempunyai kesan jalinan, bentuk dan ruang pada reka bentuk bangunan masjid tersebut. Oleh itu, karya “*The Center of The Greatest*” dapat memberikan impak positif kepada orang ramai tentang pentingnya mengimarahkan masjid agar dapat memastikan kemuliaan masjid sentiasa terbela, malah maruah Islam dapat dipelihara dengan baik, khususnya bagi orang Islam





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN



1.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan subtopik tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, signifikan kajian, metodologi kajian dan carta perbatuan secara umumnya. Bab ini juga memberikan pendedahan untuk membuka tirai penulisan tesis ini.

Dalam latar belakang kajian, pengkaji ingin mengetengahkan maksud seni catan dan penghayatan kendiri untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji juga ingin menerangkan sejarah pembukaan bandar Kuantan berdasarkan data-data yang diperolehi sama ada data primer mahupun data sekunder. Selain itu, pernyataan





masalah akan mengupaskan permasalahan-permasalahan yang wujud dalam kajian ini. Permasalahan yang ingin dinyatakan oleh pengkaji ialah isu pembangunan pesat di bandar Kuantan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Seni catan boleh dikiaskan sebagai satu hasil seni yang merangkumi semua penggunaan pigmen pada sesuatu permukaan untuk menghasilkan imej dengan menekankan nilai dekoratif, nilai perwakilan atau kedua-duanya (Encyclopedia of Knowledge, 1979). George Tooker (1920) menjelaskan bahawa catan boleh dikaitkan menerusi pernyataan berikut:

“Painting is an attempt to come to terms with life. There are as many solutions as there are human beings.”

George Tooker (1920-), pelukis kontemporari Amerika Syarikat

Dalam erti kata lain, catan adalah singkatan bahasa daripada penggunaan cat yang berbentuk cecair bahan kimia atau bahan organik yang disapu pada sesuatu permukaan. Kebanyakan artis catan mula mengertengahkan teknik penggunaan berus untuk menyapu, mencairkan dan mencampurkan pigmen cat (James Elkins, 1998). Catan juga merupakan hasil seni tertua di dunia yang dapat ditemui di dinding gua semenjak 32,000 S.M. Media catan seperti jari, berus, pisau palet dan peralatan lain banyak digunakan oleh para pelukis untuk menyapu cat pada sesuatu permukaan yang rata (Barnet, 2008).

Natijahnya, penghayatan kendiri merujuk kepada cara bagaimna seseorang individu menampilkan diri mereka untuk mengawal atau membentuk tingkah laku



orang lain (audiens), di mana mereka sedang memerhatikannya (Roy Baumeister & Kathleen D. Vohs, 2007).

Konsep keindahan banyak dibincangkan dan difalsafahkan kepada pendekatan estetika, di mana terdapat seorang ahli falsafah Jerman yang bernama Alexander Baumgarten (1714-1962) telah menjelaskan bahawa istilah estetika diambil daripada perkataan Yunani, iaitu *aisthetikos* yang bererti perasaan (Waidjiz Anwar, 1995). Malah, istilah keindahan juga merujuk kepada satu perkataan yang dikaitkan dengan kosa kata cantik, elok, permai, rupawan, jelita, kirana, bahari, seni dan majlis (Norlaili Talib, 1998).

Syed Zainol Abidin (1995) menegaskan bahawa bandar yang mempunyai keseimbangan tahap pembangunan dari segi pemeliharaan nilai budaya yang penting serta memiliki ciri-ciri tertentu yang membentuk sesuatu tempat itu sehingga dinilai sebagai bandar yang cantik, sempurna, menawan dan beridentiti. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), bandar boleh didefinisikan sebagai satu tempat atau pusat yang mempunyai jumlah penduduk yang padat dan terdapatnya banyak urusan serta perniagaan yang dijalankan oleh penduduknya.

Bandar-bandar lama di Malaysia, khususnya Kuantan mempunyai khazanah warisan yang menjadikan bandar-bandar ini kelihatan unik dengan adanya ciri-ciri istimewa yang dapat mencerminkan identiti bandar di seluruh Malaysia (Syed Zainol Abidin, 1995). Jika dibandingkan dengan pusat-pusat bandar baru di Malaysia, kualiti bangunan dan ruang bandar di pusat-pusat bandar lama adalah tinggi (Shuhana Shamsuddin & Ahmad Bashri, 1999). Pembangunan lestari atau *sustainable development* sama ada dari segi pembentukan seni bina dan reka bentuk bandar banyak ditemui di sekitar pusat bandar tradisional (Ahmad Bashri, 2000).

1.2 Permasalahan Kajian

Pembangunan yang pesat di bandar-bandar utama Malaysia sememangnya tidak dinafikan lagi bahawa ia merupakan tanda aras kemajuan bagi sesebuah negara. Secara amnya, pembangunan ialah satu usaha membaiki serta meningkatkan lagi kualiti hidup manusia dengan berlandaskan kemampuan untuk memanfaatkan nilai-nilai falsafah, budaya bangsa serta kemajuan sains dan teknologi pada era global (Muhamad Fadhil, 2015).

Pembangunan boleh diertikan sebagai satu agenda penting bagi setiap negara termasuk Malaysia untuk mencapai status negara maju. Keadaan ekonomi, sosial dan politik semasa telah mempengaruhi segala dasar, strategi dan matlamat pembangunan negara yang digubal melalui Pelan Rancangan Jangka Panjang, Sederhana dan Pendek (Haliza Rahman, 2018).



Menurut Subsyeksyen 2(1) Akta 172, istilah ‘pembangunan’ atau ‘pemajuan’ meliputi proses menjalankan kerja-kerja meruntuh, mendiri, membina semula atau meluaskan sesuatu bangunan, menjalankan kerja-kerja kejuruteraan seperti menimbas dan meratakan tanah serta penjajaran sistem pengagihan bekalan elektrik dan air, membuat kerja-kerja perlombongan dan perindustrian, melakukan pengubahsuaian terhadap sesuatu perubahan matan dalam penggunaan tanah, bangunan atau mana-mana bahagian daripadanya serta memecah sempadan atau mencatumkan tanah (Jabatan Perancang Bandar Majlis Bandaraya Ipoh, 2022).

Pembangunan mempunyai konsep yang sangat kompleks dan amat terhad kepada rancangan sesebuah agensi untuk meminimumkan kadar kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat (Thomas, 2004). Pembangunan di bandar Kuantan sememangnya dibuktikan bahawa Kuantan adalah sebuah bandaraya lestari



yang mempunyai potensi pertumbuhan ekonomi yang baik, di samping disajikan dengan pelbagai projek pembangunan lestari demi menjadikan Kuantan sebagai model atau teladan bandar lain yang maju demi melestarikan keindahan alam sekitar (Mohamad. Idris, 2021).

Kuantan merupakan ibu negeri Pahang yang berkeluasan 560 ekar dan terletak berhampiran muara Sungai Kuantan (Syarifah Madznah, 1990). Menurut catatan sejarah, Kuantan telah dibentuk seawal tahun 1950 lagi. Pembentukan Kuantan pada kurun ke-19 ini bermula dengan sebuah penempatan orang nelayan, iaitu Kampung Teruntum. Selepas British melaksanakan sistem berkerajan tempatan di Pahang, Kuantan Sanitary Board ditubuhkan pada 1 Ogos 1913 bagi menjalankan kawalan kebersihan, kawalan kesihatan dan kawalan pembangunan (Majlis Bandaraya Kuantan, 2021).



Pada tahun 1937, Lembaga Bandaran Kuantan telah dibentuk bagi menggantikan Kuantan Sanitary Board. Selama hampir 16 tahun berada di bawah sistem ini, Lembaga Bandaran Kuantan telah dinaiktaraf kepada Majlis Bandaran Kuantan untuk menguruskan kawasan pentadbiran seluas 16 km^2 dengan menumpukan pembangunan di Mukim Kuala Kuantan dan kemudiannya telah dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Kuantan di bawah Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) menjelang 1 September 1979 dengan visinya merealisasikan pembangunan lestari (Majlis Bandaraya Kuantan, 2021).

Selepas hampir 40 tahun, hari bersejarah yang bertarikh 21 Februari 2021 telah merealisasikan impian Kuantan menjadi sebuah bandaraya tercapai apabila Y.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah memperkenan duli untuk mengisytiharkan Majlis





Perbandaran Kuantan sebagai Majlis Bandaraya Kuantan (Amirulmumin Min, 2021).

Maka, keluasan kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Kuantan telah diperkembangkan kepada 324 km^2 yang meliputi empat mukim, iaitu Kuala Kuantan, Ulu Kuantan, Beserah dan Sungai Karang. Kawasan tersebut hanya mentabir sebanyak 10% daripada keluasan keseluruhan bandar Kuantan. Sementara itu, sebanyak 20% lagi merupakan kawasan bercukai yang diberikan perkhidmatan perbandaran dan bakinya terdiri daripada kawasan perumahan (Majlis Bandaraya Kuantan, 2021).

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian merupakan satu bentuk hipotesis yang diterangkan berdasarkan teori atau dapatan yang lalu (Abdul Iman, 2016). Persoalan-persoalan kajian yang terdapat dalam penulisan kajian ini termasuklah:

- 1.3.1 Apakah bahan, teknik, aliran dan gaya seni catan sebagai medium penghayatan kendiri terhadap keindahan bandar Kuantan?
- 1.3.2 Bagaimanakah teori kreativiti J.P. Guilford boleh dikaitkan dengan proses penghasilan seni catan tentang penghayatan kendiri terhadap keindahan bandar Kuantan?
- 1.3.3 Mengapakah hasil seni catan yang bertemakan penghayatan kendiri terhadap keindahan bandar Kuantan perlu dipamerkan?





1.4 Objektif Kajian

Antara objektif kajian yang perlu dicapai dalam menjalankan kajian ialah:


- 1.4.1 Mengeksplorasikan bahan, teknik, aliran dan gaya seni catan sebagai medium penghayatan kendiri terhadap keindahan bandar Kuantan.
- 1.4.2 Menghubungkaitkan teori kreativiti J.P. Guilford dengan proses penghasilan seni catan tentang penghayatan kendiri terhadap keindahan bandar Kuantan.
- 1.4.3 Mempamerkan hasil seni catan yang bertemakan penghayatan kendiri terhadap keindahan bandar Kuantan.

1.5 Signifikan Kajian

Signifikan kajian melibatkan sesuatu teori atau pendekatan yang akan digunakan dalam penulisan kajian ini. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan teori kreativiti J.P. Guilford untuk mengaitkan teorinya dengan proses penghasilan seni catan tentang penghayatan kendiri terhadap keindahan bandar Kuantan. Teori yang dibawa oleh J.P. Guilford merangkumi pengertian kreativiti dan konsep kreativiti.

Makna kreativiti dirumuskan sebagai satu teori konseptual J.P. Guilford yang dilihat sebagai sindrom atau lebih kompleks berbanding dengan fenomena biasa. Teori ini memperlihatkan bahawa kreativiti merujuk kepada empat aspek utama, iaitu aspek individual, proses, produk/karya dan persekitaran. Secara ringkaskannya, keempat-empat aspek ini ditunjukkan dalam Rajah 1:





Rajah 1: Teori Konseptual Sindrom Kreativiti oleh J.P. Guilford.

Sumber: <https://www.blackwellpublishing.com>

1.6 Metodologi Kajian

Metodologi merupakan satu analisis teoritikal yang sistematik terhadap kaedah yang digunakan dalam bidang penyelidikan (Chinelo Igwenagu, 2016). Irny & Rose (2005) menjelaskan bahawa metodologi tidak boleh ditetapkan untuk menyediakan penyelesaian, di mana bukanlah satu perkara yang sama dengan kaedah, tetapi menawarkan asas teori bagi memahami kaedah, set kaedah atau amalan terbaik yang boleh digunakan untuk mengkaji kes-kes tertentu.

1.6.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan satu rancangan kajian yang menyediakan keseluruhan rangka kerja yang digunakan untuk menjalankan proses pengumpulan data (Leddy,



1997). Reka bentuk kajian juga merangkumi satu rancangan yang ditetapkan untuk memilih subjek, tapak penyelidikan dan prosedur pengumpulan data yang akan diperlukan untuk menjawab segala persoalan kajian (MacMilan & Schumacher, 2001).

Durrheim (2004) menegaskan bahawa reka bentuk kajian boleh diertikan sebagai satu strategik rangka kerja untuk mencadangkan suatu tindakan yang boleh dipergiatkan untuk merancang strategi penyelidikan berdasarkan persoalan kajian. Secara lazimnya, terdapat tiga jenis reka bentuk utama kajian, iaitu kaedah kuantitatif, kualitatif dan kaedah campuran (*mixed method*) (Crosswell, 2009). Dalam ketiga-tiga reka bentuk tersebut, pengkaji memilih kaedah kualitatif kerana bersesuaian dengan ketepatan objektif kajian ini.

Kualitatif boleh didefinisikan sebagai satu pendekatan kajian yang digunakan untuk membangunkan teori dan pemahaman terhadap kajian (Van der Merwe, 1996). Malah, Denzin & Lincoln (2005) menerangkan bahawa kualitatif dirangkumkan sebagai satu aktiviti yang melibatkan pendekatan tafsiran dan naturalistik yang diperlukan untuk mengkaji, memahami dan mentafsir fenomena dari segi makna yang dibawa oleh orang yang dikaji (responden).

1.6.2 Keadah Pengumpulan Data

Dari sudut perspektif kualitatif, De Vos (1998) menggambarkan bahawa pengkaji akan mencuba mencari pemahaman yang holistik secara langsung daripada suatu fenomena dan kemudiannya kaedah pengumpulan data boleh dibentuk semasa penyiasatan dijalankan. Data yang diperoleh sama ada daripada sumber primer mahupun sumber sekunder terdiri daripada data bukan terbitan dan data terbitan.





Dalam kajian ini, pengkaji memilih data terbitan kerana mudah diperolehi untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan tentang tajuk kajian. Misalnya, artikel dan laporan daripada agensi kerajaan dan bukan kerajaan, buku-buku ilmiah, keratan akhbar, tesis serta jurnal.


1.6.3 Kaedah Analisis Data

Terdapat tiga sumber data yang telah dikenal pasti dalam menjalankan kajian ini, iaitu temu bual dan soal selidik dirujuk sebagai data primer, manakala tinjauan literatur dipanggil sebagai data sekunder (Mouton, 2006). Dalam penganalisaan data, pengkaji hanya memfokuskan kepada data sekunder sahaja kerana data-data tersebut dapat ditapis terlebih dahulu bagi mengelakkan berlakunya sebarang unsur-unsur penipuan dan ketidakpastian. Hal ini bertujuan untuk memudahkan pengkaji meneliti data dengan lebih mendalam supaya memastikan data-data ini adalah bersesuaian dengan ketepatan tajuk kajian, bahkan sahih untuk dikupaskan dalam menjalankan kajian ini.

1.6.4 Proses Kajian

Dalam proses kajian, pengkaji perlu mengenal pasti kaedah yang sesuai untuk mendekati masalah yang wujud dalam kajian ini dengan berpandukan kepada teori-teori dan pendekatan kajian. Saunders et al. (2003) telah menggambarkan proses-proses kajian yang mernagkumi pilihan, paradigma, strategi dan langkah kajian dalam bentuk imej bawang seperti mana tertera dalam Rajah 1:





Rajah 2: Rajah Bawang Proses Kajian.

Sumber: Saunders et al (2003)

1.7 Carta Perbatuan

Carta perbatuan atau carta Gantt ialah carta yang digunakan untuk merancang masa yang perlu diambil bagi menyempurnakan aktiviti-aktiviti dalam sesuatu projek (Saiful Bakhri, 2023). Biasanya, carta perbatuan amat penting untuk membolehkan pengkaji merancang setiap aktiviti yang akan dijalankan berdasarkan tempoh masa dan urutan aktiviti yang telah ditetapkan.

Minggu Aktiviti	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19
Taklimat Projek Tahun Akhir (19/10/2022)																			
Penyediaan proposal dan penetapan idea FYP (26/10-09/11/2022)																			
Penyelidikan studio (Lakaran awal) (16/11/2022)																			
Penyelidikan studio: Karya 1 (23/11/2022)																			
Penyelidikan studio: Karya 2 (30/11/2022)																			
Penyelidikan studio: Karya 3 (14/12/2022)																			
Pembentangan tema studio (21/12/2022)																			
Sambungan penyelidikan studio																			



Minggu Aktiviti	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19
bagi Karya 1, 2 dan 3 (04-11/01/2023)																			
Penyelidikan studio: Kemasan akhir (18/01/2023)																			
Penilaian Pra-Pameran FYP (21/01/2023)																			
Pengurusan pameran dan penetapan tempat pameran (01/02/2023)																			
Penilaian Pameran FYP (11-15/02/2023)																			
Penulisan tesis (22/02/2023)																			
Penghantaran tesis (28/02/2023)																			

Jadual 1: Carta Perbatuan Tugasan FYP.

Sumber: Kajian Lapangan, 2023





1.8 Rumusan

Secara keseluruhannya, bahagian ini menyimpulkan bahawa terdapatnya beberapa perkara yang ingin dirungkaikan oleh pengkaji bagi menjalankan kajian ini. Perkara-perkara tersebut merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, signifikan kajian, metodologi kajian dan carta perbatuan.

